



**Jabatan Alam Sekitar**  
*Department of Environment*  
**Kementerian Sumber Asli,  
dan Kelestarian Alam**

Aras 1-4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
62574 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel 03-8871 2000 (Am)  
Faks 03-8889 1040/8888 9987 (Pentadbiran)  
03-8888 9964 (Teknologi Maklumat)  
03-8888 2693 (Integriti)  
03-8888 4151 (Udara)  
03-8889 1042 (Komunikasi Strategik)  
03-8889 1045 (Penilaian)  
03-8888 4070 (Air & Marin)  
03-8888 6120 (Bahan Berbahaya)  
03-8888 0067 (Penguatkuasa)  
03-8888 1973/1975 (Bilik Operasi)  
Laman Web : www.doe.gov.my

Ruj.Kami: JAS. 100-9/3/5 JLD 4 ( 23 )

Tarikh: 03 Januari 2024

Setiausaha Sulit Kanan Kepada  
YB Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam  
Aras 9, Blok F11, Kompleks F Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 W.P. PUTRAJAYA

Puan,

**NOTA MAKLUMAN MENGENAI ADUAN KEBAKARAN KILANG V.C.E VEE CHEM  
(M) SDN.BHD. PERMATANG PAUH, PULAU PINANG PADA 30 DISEMBER 2023**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini dikemukakan Nota Makluman berkaitan perkara yang dinyatakan seperti di atas untuk makluman YB Menteri.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AHMAD SAIFFUL BIN SALIHIN)**

b.p.: Ketua Pengarah Alam Sekitar

s.k:

1. Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
3. Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
4. Unit Komunikasi Korporat Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

**NOTA MAKLUMAN**  
**MENGENAI**  
**ADUAN KEBAKARAN KILANG V.C.E VEE CHEM (M) SDN.BHD**  
**PERMATANG PAUH, PULAU PINANG**  
**PADA**  
**30 DISEMBER 2023**

**TUJUAN**

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkenaan kes di atas.

**LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima aduan daripada orang awam melalui aplikasi Whatsapp pada jam 2.00 petang, 30 Disember 2023 berkaitan kebakaran kilang yang disyaki kilang kimia berdekatan Tol BKE, Kubang Semang, Pulau Pinang.

**PERKARA-PERKARA HENDAK DIMAKLUMKAN**

**Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar**

3. Siasatan telah dilakukan pada 31 Disember 2023 dan mendapati premis yang terbakar adalah V.C.E Vee Chem (M) Sdn. Bhd. yang

beralamat di Lot 1236, Mukim 4, Tempat Lori, Jalan Permatang Janggus, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang yang menjalankan aktiviti pengedar bahan kimia industri (*thinner, solvents, lacquer, spray paints*) dan barangan *hardware*.

4. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah memasang Notis Mengambil Milik Premis Akibat Kebakaran, di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Pegawai Penyiasat JAS tidak dibenarkan memasuki premis atas faktor keselamatan.

5. Pihak premis memaklumkan, kebakaran berlaku pada jam 11.00 pagi, 30 Disember 2023 dan kebakaran telah berjaya dipadam oleh JBPM pada hari yang sama.

6. Siasatan mendapati terdapat kesan kebocoran atau limpahan cecair berwarna hitam keperangan di dalam sawah padi bersebelahan premis dan alur air berhampiran. Terdapat juga beberapa tong drum yang terbakar dan pecah di dalam sawah padi bersebelahan kilang akibat daripada kebakaran tersebut.

### **Tindakan Jabatan Alam Sekitar**

7. JAS telah mengarahkan pihak premis melalui *Field Citation* supaya mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan, meringankan, menyuraikan, menghilangkan, membasmi, membinasa atau melupuskan pencemaran iaitu:

7.1 Mengambil tindakan bagi membersihkan alur air bersebelahan longkang dan sebahagian sawah padi yang

telah tercemar dengan minyak mineral terpakai (SW305) dan sisa berminyak (SW311);

- 7.2 Mengemukakan laporan bertulis dan bergambar sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja pembersihan yang telah dijalankan selewat-lewatnya jam 5.00 petang, 31 Disember 2023;
  - 7.3 Melupuskan buangan terjadual yang terhasil daripada kerja-kerja pembersihan sisa berminyak di dalam alur air dan sebahagian sawah padi iaitu tanah, puing atau bahan tercemar yang terhasil daripada pembersihan tumpahan bahan kimia, minyak mineral atau buangan terjadual ke Premis Yang Ditetapkan yang telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum jam 5.00 petang, 31 Disember 2023; dan
  - 7.4 Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua tuntutan oleh pemilik sawah yang terjejas dengan tumpahan atau pencemaran sisa minyak akibat daripada kebakaran kilang.
8. Siasatan dan pemantauan susulan telah dijalankan pada 1 Januari 2024 untuk memastikan pihak premis mengambil tindakan seperti yang telah diarahkan oleh JAS.

## **SYOR**

9. Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37, AKAS 1974 akan dikeluarkan kepada Pengarah Urusan V.C.E Vee Chem (M) Sdn.Bhd..
10. JAS akan meneruskan pemantauan sehingga kerja-kerja pembersihan selesai dilaksanakan oleh pihak syarikat terbabit.

## **PENUTUP**

11. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

**JABATAN ALAM SEKITAR**  
**02 Januari 2024**

Lampiran



Gambar 1: Lokasi Kilang V.C.E Vee Chem (M) Sdn.Bhd, Lot 1236, Mukim 4, Tempat Lori, Jalan Permatang Janggus, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang ( Lat : 5.400022 , Long :100.422246 ).

Gambar Siasatan Pada 31 Disember 2023







Gambar 2 – 7: Keadaan premis yang musnah dalam kebakaran.





Gambar 8 – 11: Minyak yang memasuki parit berhampiran premis.



Gambar 12: Minyak yang memasuki parit untuk perairan sawah padi.






Gambar 13 & 14: Minyak yang memasuki sawah padi.

Gambar Siasatan Susulan Pada 1 Januari 2024





Gambar 15 - 18: Keadaan premis pada 1 Januari 2024.





Gambar 19 & 20: Keadaan premis yang dirakam melalui udara pada 1 Januari 2024.





Gambar 21 - 24: Keadaan pencemaran di kawasan berhampiran premis yang dirakam melalui udara pada 1 Januari 2024.







Gambar 25 - 30: Halangan yang dibina oleh pihak premis untuk mengelak tumpahan minyak memasuki sawah padi.